



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

31 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : NIOSH TINGKAT ASPEK KESELAMATAN SEKOLAH TAHFIZ

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	31 OKTOBER 2017 (SELASA)	MALAYSIA GAZETTE NIOSH tumpu aspek kesedaran dan keselamatan di sekolah tahfiz THE SUN DAILY Niosh to publish guidebook for tahfiz schools HARIAN METRO Perkenal buku panduan keselamatan sekolah tahfiz	NIOSH

AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

NIOSH tumpu aspek kesedaran dan keselamatan di sekolah tahfiz

BANGI – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) diberikan tanggungjawab untuk memantau dan meningkatkan aspek keselamatan bagi semua sekolah tahfiz di seluruh negara. Tugas itu diberikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi kepada NIOSH selaku salah satu badan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah Tahfiz. Justeru itu, Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, institut keselamatan itu segera menubuhkan satu badan khas bulan lalu yang terdiri daripada beberapa pakar keselamatan dan kesihatan untuk turun padang bagi memberikan ceramah, taklimat kepada sekolah tahfiz.

“NIOSH telah tubuhkan satu badan dimana mereka akan memberikan fokus kepada aspek keselamatan sekolah tahfiz dan akan bekerjasama dengan PINTA (Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran) dalam penyelarasan program lawatan ke sekolah tahfiz dan sebagainya. “Mengenai pasukan petugas khas kebakaran Tahfiz Darul Quran, kami akan tunggu mesyuarat kali kedua. Tapi selepas mesyuarat kali pertama, fokus NIOSH adalah terhadap aspek kesedaran dan keselamatan yang memberikan latihan dan pencegahan kepada semua sekolah tahfiz,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk Sekolah Tahfiz 2017 di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). NIOSH sebelum ini pernah dipelawa oleh Zahid untuk menganggotai pasukan khas itu memandangkan ia mempunyai kepakaran dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerja.

Ia bagi membantu kerajaan dalam melakukan siasatan terhadap kebakaran meragut nyawa 21 pelajar serta dua guru Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Dato Keramat pada 14 September lepas serta kaedah untuk mencegah perkara sama berulang. “Apabila TPM pengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Petugas Khas, beliau ingin tahu apa yang boleh NIOSH sumbangkan untuk membantu sekolah tahfiz. “NIOSH berperanan untuk memberikan kesedaran mengenai keselamatan di semua sekolah tahfiz mengenai perundangan dan Akta Keselamatan Pekerjaan mengenai tanggungjawab pengusaha tahfiz mengenai peranan mereka,” katanya lagi.

Zahid pada 19 September lalu mempengerusikan mesyuarat tersebut buat kali pertamanya di Putrajaya. Ia bagi mencari penyelesaian isu berkaitan pengurusan dan aspek keselamatan pusat tahfiz di negara ini. Antaranya mengesyorkan pindaan ke atas Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bagi membolehkan pendaftaran institusi pendidikan Islam swasta termasuk sekolah tahfiz tertakluk kepada akta berkenaan.

AKHBAR : THE SUN DAILY

Niosh to publish guidebook for tahfiz schools

BANGI : Come year-end, the National Institute Of Occupational Safety and Health (Niosh) will publish a guide book on occupational safety and health, specifically for tahfiz schools (*OSH For Tahfiz*), for reference by the tahfiz institution management. Niosh chairman Tan Sri Lee Lam Thye (*pix*) said the initiative for the publication of the book which would be distributed free came about after a Niosh team discovered tahfiz schools had very low awareness and knowledge on the Occupational Safety and Health Act 1994.

"Niosh no longer wants parents to lose children, students losing classmates and tahfiz schools losing students who stand to become leaders in the future, only because safety measures are not taken," he told reporters after launching a state-level Occupational Safety and Health Seminar for Tahfiz School 2017 at the Niosh headquarters here today. The one-day seminar, attended by representatives of 89 tahfiz institutions in Selangor, was aimed at disseminating information and boosting awareness on safety and health to reduce accidents at work places, specifically tahfiz schools.

In his opening speech, Lee said the guidebook, *OSH For Tahfiz* was made based on a similar guidebook, namely, *OSH in Schools* which was published by Niosh, with the co-operation of the Education Ministry since 2015. "But *OSH For Tahfiz* will have some amendments to suit the condition of tahfiz schools," he said, adding the occupational safety and health seminar for tahfiz schools would also be expanded to other states in stages.

AKHBAR : HARIAN METRO

Perkenal buku panduan keselamatan sekolah tahfiz

BUKU garis panduan keselamatan di sekolah tahfiz akan diperkenalkan penghujung tahun ini sebagai rujukan kepada mereka yang terbabit dalam pengurusan sekolah itu. Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, buku itu adalah sebahagian daripada kempen kesedaran keselamatan tahfiz yang menjadi projek perintis mereka dan setakat ini pihaknya sedang bekerjasama dengan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor (Pinta Selangor) bagi pelaksanaan buku itu.

"Pihak NIOOSH dan Pinta Selangor sudah melakukan beberapa siri lawatan sejak awal Oktober di lima sekolah tahfiz di Selangor iaitu Darul Quran, Kuala Kubu Baru; Maahad Tahfiz Ummul, Sungai Buloh; Maahad Tahfiz Ummul Qura', Sabak Bernam; Maahad Tahfiz Nurul Huda, Shah Alam dan Akademi Tahfiz Al-Falah, Rawang bagi kajian mengenalpasti struktur bangunan, perkara bahaya dan bermasalah sebelum ia ditulis dalam buku garis panduan. "Sekolah tahfiz bukan saja tempat belajar tetapi tempat kerja yang mempunyai bahaya dan risiko yang perlu diatasi. Adalah menjadi tanggungjawab mereka di tempat kerja, termasuk di sekolah tahfiz untuk mengenalpastinya dan mengambil langkah keselamatan mencegah kemalangan atau kematian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Sekolah Tahfiz (*OSH For Tahfiz*) peringkat negeri Selangor di ibu pejabat NIOOSH Bangi, hari ini. Hadir sama, Pengerusi Pinta Selangor, Mohd Dailami Che Age dan Pengarah Eksekutif NIOOSH, Zahrin Osman. Seminar sehari anjuran NIOOSH dengan kerjasama Pinta Selangor dihadiri 89 wakil sekolah atau institusi tahfiz seluruh Selangor dengan tujuan menyebarkan maklumat dalam meningkatkan kesedaran terhadap isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan tanggungjawab pekerja serta majikan mengatasi sebarang kemalangan.

Lee berkata, semua sekolah tahfiz digalakkan melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang baik dengan mengamalkan konsep mengenalpasti bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC). "Sebab itu, NIOOSH akan mengadakan kempen berterusan di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan KKP dan cara melaksanakan HIRARC di semua sekolah tahfiz. "Sememangnya, pengendali sekolah agama di negara ini perlu bekerjasama dengan NIOOSH dan pihak berkuasa lain dalam meningkatkan tahap kesedaran mengenai keselamatan di premis masing-masing," katanya.

ISU : CUTI BERSALIN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	31 OKTOBER 2017 (SELASA)	BERITA HARIAN Jangan pinggirkan wanita kerana 90 hari cuti bersalin	KSM

AKHBAR : BERITA HARIAN

Jangan pinggirkan wanita kerana 90 hari cuti bersalin

KUALA LUMPUR: Majikan di negara ini diminta tidak meminggirkan pekerja wanita berikutan langkah kerajaan menetapkan cuti 90 hari untuk wanita bersalin bagi pekerja sektor swasta. Saranan itu dikemukakan Datuk Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) yang bimbang peluang wanita untuk di ambil bekerja dinafikan majikan dengan penetapan cuti bersalin 90 hari itu.

Katanya, adalah diharapkan dengan penetapan cuti bersalin 90 hari itu, majikan tidak hanya tawarkan kerja pada orang lelaki saja dan enggan mengambil wanita bekerja. "Saya bimbang selepas ini peluang untuk wanita bekerja terhad dengan kemudahan cuti ini Begitu juga dengan peluang pekerja wanita untuk naik pangkat dan gaji tidak dinafikan," katanya ketika berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2018 di Dewan Rakyat, hari ini.

Noraini turut menyarankan Kementerian Sumber Manusia memantau pelaksanaan 90 hari cuti bersalin oleh sektor swasta supaya tidak timbul diskriminasi terhadap pekerja wanita. "Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana buat penetapan 90 hari bekerja itu, namun saya tidak mahu wujud diskriminasi terhadap pekerja berdasarkan gender," katanya.